



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENGANGGARKAN KERUGIAN OUTPUT KETIDAKHADIRAN GURU DI SEKOLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENGANGGARKAN KERUGIAN OUTPUT KETIDAKHADIRAN GURU DI SEKOLAH

INTAN FAIRUZZAH BINTI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

15.1.2012

Tandatangan

INTAN FAIRUZZAH BINTI ABDULLAH
M20092000919



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya saya telah berjaya menyiapkan disertasi ini. Pertama, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas buat penyelia saya Dr. Ramlee Ismail yang merupakan Ketua Jabatan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana terlalu banyak memberi bantuan, panduan, nasihat, galakan dan bimbingan yang berkesan sepanjang saya menyiapkan cadangan penyelidikan ini. Tunjuk ajar dan bimbingan beliau terutamanya berkenaan kaedah penulisan ilmiah yang sistematik dan analisis data yang terperinci amat besar maknanya kepada saya dalam memantapkan penulisan cadangan penyelidikan ini. Sesungguhnya, jasa beliau tidak ternilai dan tidak dilupakan. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat seperti Kementerian Pelajaran Malaysia yang membayai pembelajaran saya, UPSI yang memberi peluang saya belajar, para pensyarah lain yang telah memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran, rakan-rakan seperjuangan dan lain-lain sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung yang banyak memberi dorongan, bantuan dan inspirasi dalam menyempurnakan disertasi saya. Akhir sekali, tidak lupa kepada suami tersayang, kedua-dua ibu bapa saya, ahli-ahli keluarga saya, saudara mara serta jiran tetangga. Sesungguhnya mereka semua banyak memberi sokongan dan galakan kepada saya dan banyak berkorban sepanjang pengajian saya. Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Guru merupakan guna tenaga yang menyumbangkan produktiviti dalam ekonomi. Kos sumber manusia dalam pendidikan adalah penting oleh pihak kerajaan dan negara. Ketidakhadiran guru dikaitkan dengan pengurangan produktiviti iaitu kerugian ekonomi dari sudut output. Tujuan kajian ini ialah untuk menganggarkan kos yang telah ditanggung oleh kerajaan atau pelajar akibat daripada ketidakhadiran guru di sekolah sama ada disebabkan oleh cuti yang telah diambil dan urusan rasmi yang merangkumi unit kurikulum, ko kurikulum dan hal ehwal murid. Kajian ini juga mengenal pasti sebab-sebab ketidakhadiran guru di sekolah. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih kajian berbentuk kajian kes yang melibatkan 78 orang guru di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Selangor (Sekolah A) dan 115 orang guru di sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan di Kuala Lumpur (Sekolah B). Dapatkan kajian menunjukkan di sekolah menengah, pengambilan cuti sakit di klinik swasta atau di hospital swasta adalah lebih tinggi berbanding jenis cuti yang lain. Manakala di sekolah rendah pula, hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah hari guru tidak hadir ke sekolah yang disebabkan oleh pengambilan cuti bersalin adalah lebih tinggi berbanding jenis cuti yang lain. Kerugian akibat ketidakhadiran guru di sekolah menengah yang dikaji mengikut jumlah hari bekerja adalah RM 268,339.18 setahun. Manakala di sekolah rendah pula, jumlah kerugian akibat ketidakhadiran guru mengikut jumlah hari bekerja adalah RM311,043.70 setahun. Salah satu cadangan adalah mewujudkan perjawatan baru di sekolah. Walaupun kos penggajian bertambah, namun dari sudut ekonomi terhadap modal manusia (output) sebenarnya memberi perolehan yang lebih besar dalam pelaburan jangka masa panjang. Kerugian dan ketinggalan pelajar dalam pelajaran perlulah diambil perhatian yang lebih utama berbanding daripada kos kewangan yang terlibat untuk memperbaiki sistem pendidikan yang sedia ada demi menjaga kepentingan pelajar, guru, kerajaan dan negara.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRACT

Teacher is the human resources who contributes in productivity in the country's economic. Human cater force in education is very prime for government and the country development. The absent of a teacher in a class is considered a drop in productivity which is an economic lost from the view of output. The purpose of this research is to investigate the reason of teachers' absent from school. On the mean time, the research also acquired the estimation of cost incurred by teachers' absent from school either because of taking medical certificate or on duty outside the school during teaching and learning process which includes different purposes such as curriculum, co-curriculum or others. This research is a case study involving 78 teachers in a secondary school situated in Selangor (School A) and 115 teachers in a primary school in Kuala Lumpur (School B). From the data collected, the absent of teacher from secondary school are mainly due to medical certificate at hospital or private clinic than other reasons. However in primary school, it was more due to maternity leave. The lost due to the absent of teachers' from secondary school calculated by work day is RM 268,339.18 per year. On the other hand, the absent of teachers' from primary school results in a lost of RM 311,043.70 annually. One suggestion is to create new posts in schools. Although the employment cost increases, but from an economic standpoint on human capital (output) actually provides a greater turnover in long-term investment. Loss and omissions in education should be noted that more important than the financial cost involved improving the existing education system in order to protect the interests of students, teachers, government and nation.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



KANDUNGAN

PERKARA	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xvi



BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Konsep dan Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Batasan Kajian	14
1.9	Definisi Operasi	15





1.10 Rumusan	20
--------------	----

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Sistem Pentadbiran Pendidikan Malaysia	22
2.3 Kewangan Sektor Awam	28
2.4 Pernyataan Dasar dan Perintah Am	42
2.5 Hal Ehwal Cuti	47
2.6 Kajian Lepas	52
2.7 Rumusan	86



BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan	87
3.2 Reka Bentuk Kajian	88
3.3 Kerangka Kajian	90
3.4 Metod Kajian	92
3.5 Sampel Kajian	97
3.6 Prosedur Pensampelan	98
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	
3.8 Prosedur Analisis Data	103
3.9 Rumusan	105





BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	106
4.2	Latar Belakang Responden	107
4.3	Keputusan Kajian	110
4.4	Pengujian Perbezaan antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	113
4.5	Analisis Anggaran Kos	124
4.6	Rumusan	131



BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN



5.1	Pengenalan	133
5.2	Rumusan Hasil Kajian	134
5.3	Dapatan dan Perbincangan	136
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	158
5.5	Kesimpulan	159
5.6	Penutup	160

RUJUKAN	161
---------	-----

LAMPIRAN	171
----------	-----





SENARAI JADUAL

Jadual

muka surat

2.1	Perbelanjaan Mengurus bagi Emolumen Tahun 2009-2010.	30
2.2	Perbelanjaan Pembangunan bagi Pendidikan dan Latihan Tahun 2009-2010.	32
2.3	Jumlah Hari Ketiadaan Guru Di Sekolah Bagi Negeri Selangor dan Negeri Kedah Tahun 2004-2006.	58
2.4	Analisa Dapatan Kajian Masa Mengajar Subjek Seminggu Tidak Termasuk Jadual Pengurusan Data.	72
3.1	Penggunaan Kaedah Analisis Data.	104
4.1	Profil Responden.	108
4.2	Deskriptif Statistik.	109
4.3	Sebab-sebab guru tidak hadir ke Sekolah A dan Sekolah B	110
4.4	Analisis Ujian-t bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Jantina.	113
4.5	Analisis Ujian-t bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Kategori Gred Gaji Guru.	114
4.6	Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Umur- Sekolah A dan Sekolah B.	116
4.7	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Umur- Sekolah A.	117
4.8	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Umur- Sekolah B.	





4.9	Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Jenis Jawatan- Sekolah A dan Sekolah B.	118
4.10	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Jenis Jawatan- Sekolah A.	119
4.11	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Jenis Jawatan- Sekolah B.	
4.12	Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Tempoh Berkhidmat di Sekolah Semasa - Sekolah A dan Sekolah B.	120
4.13	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Tempoh Berkhidmat di Sekolah Semasa- Sekolah A	121
4.14	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Tempoh Berkhidmat di Sekolah Semasa- Sekolah B	
4.15	Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Sepanjang Tempoh Perkhidmatan - Sekolah A dan Sekolah B	122
4.16	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tidak Hadir di Sekolah Mengikut Tempoh Sepanjang Perkhidmatan - Sekolah A	123
4.17	ANOVA bagi Jumlah Hari Guru Tiada di Sekolah Mengikut Tempoh Sepanjang Perkhidmatan - Sekolah B	
4.18	Jumlah Anggaran Kos atau Kerugian Output Bagi Sekolah A dan Sekolah B menggunakan <i>Human Capital Method</i> .	125
4.19	Perbezaan Jumlah Anggaran Kos atau Kerugian Output Bagi Sekolah A dan Sekolah B menggunakan <i>Human Capital Method</i> dan Operasi Bercampur.	131





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xi

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat	
2.1	Struktur Organisasi di Sekolah	22
3.1	Kerangka Kajian	91
3.2	Carta Aliran Peringkat-peringkat Kajian	99



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

NAMA PENUH

CPD	<i>Continuous Professional Development</i> Pembangunan Profesional Berterusan
CRK	Cuti Rehat Khas
CTR	Cuti Tanpa Rekod
ETP	<i>Economic Transformation Program</i> Program Transformasi Ekonomi
GAB	Guru Akademik Biasa
GBS	Guru Bimbingan dan Kaunseling
GBT	Guru Skim Pinjaman Buku Teks
GBW	Guru Biasiswa
GDM	Guru Data/ Maklumat
GDP	<i>Gross domestic Product</i> Keluaran Dalam Negara Kasar
GDS	Guru Disiplin
GJQ	Guru J Qaf
GKMP/KB	Guru Kanan Mata Pelajaran/ Ketua Bidang
GMA	Guru Media
GMP	Guru Mata Pelajaran
GPB	Guru Perabot
GPI/GPA	Guru Pendidikan Islam/ Guru Pendidikan Agama
GPK	Guru Penolong Kanan





GPM	Guru Pemulihan
GPN	Guru Ketua Panitia
GPRA	Guru Pra Sekolah
GPT	Guru Penyelaras Tahun
GSK	Guru Sukan
GSP	Guru Setiausaha Peperiksaan
GSTT	Guru Sandaran Tidak Terlatih
GTP	<i>Government Transformation Programs</i> Program Transformasi Kerajaan
GTT	Guru Tingkatan/ Tahun
HCM	<i>Human Capital Method</i>
ICT	Perpustakaan Tuanku Bainun <i>Information and Communication Technology</i> Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IPG	Institut Pengajian Guru
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JKMIBTG	Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Isu Beban Tugasan Guru
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JU	Jurulatih Utama
KGSK	Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPPK	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	Literasi Numerasi
LLO	<i>Lost Labor Output</i>





MASEU	Eksekutif Kesatuan Sekerja Sistem Penerangan Malaysia
MMA	Persatuan Perubatan Malaysia (<i>Malaysia Medical Association</i>)
NGO	Badan Bukan Kerajaan
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PGC	Pegawai Guru Cemerlang
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i>
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PJJ	Pendidikan Jarak Jauh
PKB	Pegawai Ketua Bidang
PKTD	Penolong Kanan Penyelia Petang
POL	Pelan Operasi Latihan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPPLD	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma
PPPS	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
PPSMI	Pengajaran Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
PTK	Penilaian Tahap Kecekapan
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
SGM	Standard Guru Malaysia
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPP	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SPSS

Statistic Package for the Social Science

TEAM

Together Everyone Achieve More

TEVT

Technical Education and Vocational Training
Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional

TIMSS

*Trends in International Mathematics and Science
Study*

UPSR

Ujian Penilaian Sekolah Rendah

USM

Universiti Sains Malaysia

UTM

Universiti Teknologi Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

Tajuk

- | | |
|---|---|
| A | PASUKAN-PASUKAN SUKARELA |
| B | MENGHADIRI LATIHAN ATAU PERKHEMahan TAHUNAN |
| C | CONTOH SURAT JAMINAN |
| D | SURAT TINDAKAN TATATERTIB SURAT CUTI PALSU |
| E | JADUAL KERJA |
| F | LEMBARAN KUTIPAN DATA |
| G | Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
SENARAI RUJUKAN SUMBER RASMI
SEKOLAH A |
| H | SENARAI RUJUKAN SUMBER RASMI
SEKOLAH B |
| I | SURAT KELULUSAN UNTUK
MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH,
INSTITUT PERGURUAN, JABATAN
PELAJARAN NEGERI DAN BAHAGIAN-
BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN
PELAJARAN MALAYSIA |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Dalam usaha kemajuan untuk mencapai negara maju menjelang 2020, pelbagai program telah dilaksanakan seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Politik. Program Transformasi Kerajaan (GTP) dilaksanakan bertujuan untuk menambah baik dan memperkembangkan lagi struktur ekonomi negara ke sektor yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Program ini mencakupi semua keperluan negara dan rakyat bagi memperoleh manfaat secara bersama tanpa mengetepikan keadilan sosial. Program ini melibatkan perubahan dalam semua peraturan dan proses kerja mengikut kehendak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



masa kini. Manakala Program Transformasi Politik menjadi pemacu kepada matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Pertumbuhan ekonomi sering kali dikaitkan dengan peningkatan guna tenaga (Selamah & Rizaudin, 2005). Guna tenaga merupakan salah satu petunjuk atau boleh ubah yang penting bagi ekonomi di peringkat makro. Guna tenaga merupakan jumlah tenaga buruh yang digunakan secara produktif dalam kegiatan ekonomi untuk mengeluarkan output negara. Di dalam dunia pekerjaan, di dapati guna tenaga terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi sama ada di dalam sektor perkilangan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, sektor pertanian atau sektor perlombongan. Tenaga buruh adalah faktor pengeluaran yang penting. Dalam ekonomi, ganjaran kepada tenaga buruh ialah upah. Upah atau ganjaran yang diterima oleh buruh akan digunakan untuk mendapatkan barang atau perkhidmatan yang dikehendaki. Jumlah upah yang diterima adalah berbeza mengikut perbezaan tanggungjawab, tahap mobiliti buruh, faedah sampingan, jumlah jam bekerja, latihan, permintaan dan penawaran buruh, jenis dan sifat pekerjaan, kekuatan kesatuan sekerja, kebolehan, kelayakan akademik, pengalaman dan mengikut keadaan ekonomi.

Dalam sektor perkhidmatan, pendidikan adalah pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Pendidikan merupakan matlamat utama melahirkan individu yang berilmu dan membina masa depan ummah contoh. Peredaran zaman memberi kesan kepada perubahan gaya hidup manusia, cara bertindak dan berfikir.





Tenaga buruh dalam sektor pendidikan didominasi oleh guru. Guru memikul tanggungjawab terhadap masyarakat sebagai agen sosial dan penyebar ilmu yang membawa perkembangan dan kemajuan sekolah serta masyarakat (Mok Soon Sang, 2010:570). Guru yang berkualiti terdiri daripada mereka yang memiliki kriteria tertentu seperti keikhlasan, keazaman, kreativiti, dedikasi dan komited terhadap tugas. Guru juga bertanggungjawab mencorakkan pemikiran dan tindakan murid (Mohd. Sahandri, 2002). Pembentukan sikap yang baik membolehkan seseorang guru itu rajin bekerja, mesra dengan pelajar, cinta kepada profesi perguruan dan sanggup berkhidmat di mana-mana sahaja (Mohd Salleh, 2003).



1.2 Konsep dan Latar Belakang Kajian

Modal insan yang produktif adalah hasil daripada produktiviti guru yang berkualiti. Guru yang berkualiti merupakan guru yang ikhlas dan mempunyai daya komitmen yang tinggi. Mereka tidak mengenal erti jemu untuk memastikan pelajarnya memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang dikehendakinya bagi memenuhi tuntutan persaingan dan cabaran buruh abad ini dan akan datang.

Pengurusan sekolah yang baik dapat melahirkan guru yang berkualiti, persekitaran pembelajaran yang memberangsangkan dan melahirkan pelajar yang bermoral dan cemerlang (Mohd Salleh, 2003). Keberkesanan ini dilihat dari segi tugas, peranan dan sumbangan profesion tersebut kepada masyarakat.





Kekurangan sumber yang terhad adalah persoalan yang utama dalam ekonomi. Keupayaan seseorang untuk bekerja adalah terhad dan terbatas oleh masa, kelayakan dan pengalamannya (Ahmad Mahdzan, 2005). Pendapatan dan masa adalah terhad jika dibandingkan dengan keinginan seseorang untuk mendapatkan barang atau perkhidmatan dan untuk melakukan sesuatu pekerjaan, aktiviti dan tugas tertentu. Bukan semua tugas boleh dilakukan dengan serentak dalam satu masa tertentu. Oleh itu, tugas kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan kerana melakukan tugas utama yang telah dipilih merupakan kos melepas yang terpaksa ditanggung oleh seseorang akibat pilihan utama yang telah dibuat oleh seseorang itu tadi. Dalam masalah ini, kos melepas bagi seorang guru merupakan masa mengajar di dalam kelas dan melakukan tugas rutin sekolah kerana terpaksa menghadiri tugas luar yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.



Dalam konteks ekonomi, ketidakhadiran atau ketiadaan guru di dalam kelas adalah satu kerugian dalam ekonomi. Ini adalah kerana guru merupakan guna tenaga yang menyumbangkan produktiviti dalam ekonomi. Ketidakhadiran guru dikaitkan dengan pengurangan produktiviti iaitu kerugian ekonomi dari sudut output yang merupakan sebab utama untuk dikaji. Menurut Silcock (2003), tenaga buruh yang tidak boleh bekerja akibat kemalangan merupakan kos ekonomi yang dialami oleh sesebuah negara kerana tidak dapat menyumbang kepada produktiviti kerana kehilangan sumber, keluaran produktif atau output ekonomi yang berpotensi.





Dalam kajian ini, produktiviti seseorang guru adalah berdasarkan kecekapan dan kemahiran guru dalam menyampaikan ilmu dan pencapaian para pelajarnya. Guru merupakan input kepada para pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran. Tanpa guru mengajar di dalam kelas, sama ada bercuti, bertugas di luar atau sebab-sebab lain adalah merupakan satu kerugian ekonomi terhadap pelajar.

Kerugian kepada pelajar adalah dikira kosnya berdasarkan kepada proksi, iaitu gaji guru. Maksudnya jika guru tersebut tidak hadir ke sekolah maka kerugian kepada pelajar ialah ilmu yang sepatutnya diterima oleh pelajar. Dalam konteks ini, kerugian ilmu yang sepatutnya diterima oleh pelajar adalah dikira berdasarkan nilai gaji guru.



Pada asasnya, model *Human Capital Method* (Silcock, 2003) adalah model yang digunakan untuk mendapatkan anggaran kerugian ekonomi akibat kemalangan. Model ini diguna pakai untuk menganggarkan kos atau kerugian output yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan atau pelajar akibat ketidakhadiran guru di sekolah kerana cuti atau terlibat dengan urusan rasmi sekolah. Selain daripada itu, pengkaji akan mengenal pasti sebab guru tidak hadir ke sekolah dan mengenal pasti perbezaan guru tidak hadir ke sekolah berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur, tahap pendidikan dan tempoh pengalaman mengajar.





1.3 Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, ketidakhadiran kakitangan awam bertugas ke tempat kerja sudah mula mendapat perhatian oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan. Sekiranya berlaku di sekolah, keadaan ini akan menimbulkan kesan negatif yang terpaksa dipikul oleh pihak sekolah, pelajar, ibu bapa dan kerajaan. Isu guru tiada di sekolah kerana menghadiri mesyuarat, berkursus atau bercuti kerana sakit telah menimbulkan banyak persoalan. Di antaranya ialah ketelusan atau kebenaran sijil sakit yang telah diberikan oleh pegawai perubatan dan masa sebenar mesyuarat atau kursus di luar yang digunakan ketika pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, ketiadaan elauan tambahan dan pertambahan bebanan masa bekerja juga menimbulkan kesan kepada guru yang menggantikan tempat guru tersebut.



Menurut Abdullah (2012), negara kita menghadapi masalah kekurangan guru, bukan sahaja di SJKC (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina), SJKT (Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil), malah Sekolah Kebangsaan juga. Keadaan ini akan menjadi lebih parah sekiranya masalah kekurangan guru ditambah dengan masalah guru tidak hadir ke sekolah atas urusan rasmi atau peribadi. Guru yang kerap mengambil cuti sakit atau kerap berkursus dalam waktu persekolahan menyebabkan guru lain terpaksa menggantikan kelasnya tanpa sebarang penambahan elauan atau imbuhan tertentu.





Tambahan lagi, guru yang sering tidak hadir ke sekolah sama ada disebabkan cuti sakit atau menghadiri sebarang tugas di luar boleh menyebabkan fokus sebenar guru dalam tugas hakiki sebagai pengajar akan tergugat. Keadaan ini menyebabkan guru terpaksa membahagikan masa untuk menggantikan semula waktu mata pelajaran yang telah ditinggalkan. Lambakan kerja seperti menulis buku rekod mengajar, menandai buku pelajar dan sebagainya, sedikit sebanyak boleh memberi tekanan kerja dalam kalangan guru yang akhirnya memaksa guru mengambil cuti sakit. Menurut Baharin & Mariam (2011), stres wujud di sekolah dan faktor yang menyumbang kepada stres di kalangan guru ialah faktor beban tugas. Fisher (1994), menyatakan bahawa seseorang tidak akan dapat bekerja secara efektif sekiranya dibebani dengan kerja yang banyak. Kajian ini disokong oleh Greenglass et al.(1997), beban kerja menjadi salah satu penyumbang utama kepada stres di kalangan guru.



Selain daripada itu, guru yang terpaksa menggantikan guru yang tiada di sekolah sedikit sebanyak akan menimbulkan rungutan dan rasa tidak puas hati kerana terpaksa mengajar atau bertugas lebih waktu. Tambahan kerja atau tugas ini tidak dibayar walaupun kebanyakan guru yang sering keluar adalah guru yang mempunyai tugas khas dan khidmat kepakarannya amat diperlukan oleh pihak Jabatan atau Kementerian Pendidikan itu sendiri. Guru tersebut perlu mengguna dan membahagikan masa serta tenaga yang terhad untuk memenuhi kehendak pelbagai pihak yang tidak terhad. Menurut Sonia (2004:10), mereka yang terlibat apabila menguruskan sekolah perlu peka mengenai had bidang kerja mereka. Sikap peka ini penting kerana kekeliruan dalam soal membahagikan tugas dapat menimbulkan konflik dan rasa tidak puas hati. Persoalan di sini adalah bagaimana sekiranya lebih





separuh guru terlibat dalam aktiviti luar? Berapakah kos setahun persekolahan bagi semua guru yang terpaksa dilepaskan? Berapakah kerugian masa belajar pelajar yang telah digunakan? Berapakah kerugian masa guru untuk melaksanakan tugas lain di sekolah yang telah digunakan? Berapakah nilai tambahan waktu tidak berbayar guru ganti yang telah digunakan?

Walaupun sekolah menyediakan guru ganti ketika guru tidak hadir di sekolah, tetapi hakikatnya berbeza dengan guru mata pelajaran sebenar dalam aspek pengajaran walaupun guru ganti tetap seorang guru. Ini adalah kerana perbezaan dari segi kepakaran, cara penyampaian, kefahaman kemahiran dan pengalaman seseorang guru itu sukar dinafikan.



Bagi pelajar pula, ketidakhadiran guru mengajar mata pelajaran di dalam kelas memberi kesan yang besar dalam konteks pembelajaran. Ketidakhadiran guru menyebabkan pelajar hilang minat belajar, meningkatkan masalah disiplin seperti ponteng kelas dan sekolah. Pelajar akan ketinggalan dalam pelajaran dan boleh menjelaskan pencapaian akademik serta memberi kesan negatif di masa hadapan pelajar kelak. Apabila proses pengajaran dan pembelajaran terganggu, murid akan hilang fokus dalam akademik dan boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati serta rungutan setengah-setengah pihak, terutamanya dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat lain. Menurut kenyataan Aminah di dalam Portal Pendidikan Utusan pada 30 September 2003, guru sendiri kadangkala boleh menjadikan pelajar hilang disiplin.





Selain daripada itu, orang awam terutamanya dalam kalangan ibu bapa pula akan mula hilang kepercayaan yang tinggi terhadap sistem pentadbiran pendidikan disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan dan pengendalian kos yang tidak efisien. Beban tugas guru yang begitu banyak ditambah pula masalah ibu bapa atau penjaga yang sering memandang serong terhadap guru-guru dalam banyak perkara seperti keprihatinan guru-guru, ketepatan masa dalam penyemakan buku-buku latihan dan pemberian kerja rumah (Baharin & Mariam, 2011).

Isu ketidakhadiran guru di sekolah boleh mendatangkan kesan yang negatif dalam jangka masa panjang sekiranya tidak ditangani secara sistematik dan terancang. Ini adalah kerana, kos belanjawan dalam bidang pendidikan yang tidak efisien boleh menyebabkan kerugian dalam pengagihan belanjawan kepada sektor lain yang lebih memberi impak yang besar dalam pembangunan ekonomi negara. Negara akan melahirkan modal insan yang kurang berkualiti dan tidak menepati era globalisasi bagi melahirkan generasi kelas pertama sekiranya sistem sektor pendidikan tidak dinamik dan masih lemah dengan memiliki guru yang kurang berkualiti, tidak kreatif, tidak berinovatif serta bermasalah.

Modal manusia merangkumi guna tenaga berkemahiran dan berkeupayaan dalam pembangunan dan penyelidikan. Ini jelas dilihat daripada kejayaan yang dinikmati oleh negara-negara industri seperti Jerman, Finland, Sweden, Amerika Syarikat dan Jepun telah di dokong oleh kekuuhan elemen modal manusia dan infrastruktur ICT. Kesilapan dalam merancang sistem pendidikan akan membantutkan proses pembangunan negara dan mungkin menurunkan daya saing negara di peringkat global (Ramlee & Ramziah, 2002).





Masalah guru tidak hadir di sekolah haruslah ditangani sebaik mungkin secara holistik agar masalah ini tidak menjadi lebih serius kerana bukan sahaja boleh menjelaskan prestasi pelajar malah boleh memberi kesan buruk terhadap pelbagai aspek dan pelbagai pihak. Walaupun pengambilan cuti merupakan hak bagi setiap guru itu sendiri, namun guru boleh mengambil cuti mengikut tujuan dan jenis cuti yang bersesuaian tanpa mengutamakan kepentingan peribadi semata-mata. Di dalam sektor pendidikan, terdapat pekeliling-pekeliling, dasar-dasar dan peraturan telah disediakan sebagai garis panduan kepada kakitangan awam untuk difahami dan dipatuhi. Garis panduan ini bertujuan agar pegawai kerajaan terutamanya guru, bertanggungjawab terhadap pelajar dan tidak menyalahi etika profesionalisme perguruan sebenar apabila bertugas di luar atau bercuti sakit.



1.4 Objektif kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah mengenal pasti sebab guru tidak hadir ke sekolah seterusnya menganggar kerugian ekonomi akibat ketidakhadiran guru di sekolah. Kajian juga menganggar kos yang telah ditanggung oleh kerajaan akibat daripada ketidakhadiran guru di sekolah yang disebabkan oleh bertugas di luar sekolah, bercuti kerana sakit atau lain-lain sebab.





Secara terperinci, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti sebab guru tidak hadir ke sekolah.
- ii. Mengenal pasti perbezaan min jumlah hari guru tidak hadir ke sekolah berdasarkan faktor demografi.
- iii. Menganggarkan kos atau kerugian output yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan atau pelajar akibat ketidakhadiran guru di sekolah.

1.5 Persoalan Kajian



- i. Apakah yang menyebabkan guru tidak hadir ke sekolah?
- ii. Adakah terdapat perbezaan min jumlah hari guru tidak hadir ke sekolah berdasarkan faktor demografi?
- iii. Berapakah anggaran kos atau kerugian output yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan atau pelajar akibat ketidakhadiran guru di sekolah terpilih?





1.6 Hipotesis Kajian

- i. Ho1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jumlah hari guru tidak ada di sekolah berdasarkan jantina.
- ii. Ho2: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jumlah hari guru tidak ada di sekolah berdasarkan gred gaji.
- iii. Ho3: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jumlah hari guru tidak ada di sekolah berdasarkan umur.
- iv. Ho4: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jumlah hari guru tidak ada di sekolah berdasarkan jenis jawatan guru.
- v. Ho5: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jumlah hari guru tidak ada di sekolah berdasarkan tempoh guru berkhidmat semasa.
- vi. Ho6: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jumlah hari guru tidak ada di sekolah berdasarkan tempoh sepanjang perkhidmatan.
- vi. Ho7: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jumlah hari guru tidak ada di sekolah berdasarkan tempoh sepanjang perkhidmatan.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat menyediakan informasi berguna, menjadi bahan rujukan yang signifikan dan memberi manfaat yang baik untuk semua pihak sama ada individu atau agensi-agensi tertentu seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah yang dikaji, sekolah-sekolah lain dan sebagainya.





Para pentadbir di sekolah boleh menggunakan data yang telah diperoleh daripada hasil kajian ini untuk melihat dan membantu mereka membuat penilaian terhadap subordinat atau guru-guru di bawah pimpinannya. Selain daripada itu, pihak pengurusan sekolah boleh merancang dan membantu membuat pengagihan tugas guru dengan lebih adil dan saksama mengikut keutamaan, keperluan, kemahiran, kepakaran dan tugas sebenar seseorang guru.

Tambahan lagi, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai perkongsian maklumat, rujukan dan panduan yang berguna kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebarang idea dan cadangan yang di ketengahkan diharapkan dapat memberi impak bagi membantu memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada sebagai penambahbaikan sistem pendidikan yang sedia ada ke arah yang lebih baik, sistematis, efisien dan dinamik untuk melahirkan guru yang berkualiti tinggi dan berdaya maju. Ia adalah sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara bagi menghadapi dunia globalisasi yang penuh cabaran, kritikan dan persaingan. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi contoh terbaik kepada sektor kementerian yang lain terutamanya dalam pengurusan dan pentadbiran sumber manusia.

Pihak kerajaan juga dapat melihat, merangka, merancang, membina dan melaksanakan sesuatu rancangan, program atau peraturan baru yang relevan dan efektif agar dapat menangani masalah ini secara sistematis dan efisien. Kita tidak mahu melihat sesuatu yang telah dilaburkan menjadi sia-sia dan masalah ini menjadi lebih serius lagi di masa akan datang sekiranya tidak dapat ditangani dengan segera,





secara holistik dan bersungguh-sungguh. Ini adalah kerana kombinasi antara pembangunan fizikal dan modal insan merupakan paksi utama kepada pembinaan infrastruktur negara. Pelaburan dalam pembangunan modal insan merupakan salah satu komponen utama untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang ekonomi dapat dikekalkan seiring dengan pertambahan jumlah penduduk bagi memenuhi permintaan pasaran semasa dan masa depan.

Selain daripada itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menarik minat penyelidik lain untuk membuat penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam dan menyeluruh. Kajian ini juga boleh menyediakan maklumat asas kepada kajian-kajian lain.



1.8 Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, batasan kajian telah digarisukkan di sebabkan oleh faktor masa dan bidang kajian. Kajian ini bersifat *exploratory* atau permulaan, maka kajian adalah bersifat kajian kes. Oleh itu, dua buah sekolah dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Kajian ini tertumpu kepada dua buah sekolah iaitu Sekolah A (sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Selangor) dan Sekolah B (sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan di Kuala Lumpur). Kajian ini memberi fokus kepada menganalisis perbezaan berdasarkan faktor demografi di kalangan semua guru di dua buah sekolah yang terpilih. Tiada perbandingan hasil kajian dibuat antara sekolah menengah dan





sekolah rendah. Selain daripada itu, pengiraan anggaran kos akan menggunakan data-data tahun 2010 sahaja.

1.9 Definisi Operasi

i) Sekolah

Sekolah bermaksud tempat di mana sepuluh orang atau lebih lazimnya diajar sama ada di dalam satu kelas atau lebih, tetapi tidak termasuk mana-mana tempat yang pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata (Akta

Pendidikan 1996:7). Sekolah merupakan organisasi pendidikan yang ditadbir oleh pihak pengurusan yang terdiri daripada Guru Besar, Penolong-penolong Kanan, Guru Kanan atau Guru Panitia, Guru-guru dan Staf Sokongan. Sekolah ialah sebuah organisasi sosial yang kompleks dan unik. Kesemua proses yang terkandung di dalam organisasi sekolah hendaklah dikoordinasi dengan baik supaya mencapai *outcomes* dan *output* yang dikehendaki.

Sekolah adalah pengubah minda dan penentu kepada budaya dan pembangunan sesebuah negara. Sekolah sering kali diungkapkan sebagai sebuah institusi yang menyeluruh bagi segolongan manusia berkumpul dan bekerja bersama-sama untuk sesuatu tempoh masa yang tertentu. Organisasi seperti ini ditadbirkan secara formal. Oleh sebab sekolah merupakan sebuah organisasi, maka wujudlah suatu budaya yang tersendiri dan berkembang di sekolah.





ii) Guru

Menurut Kamus Dewan (2007), guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Dalam konteks masyarakat moden, perkataan guru membawa maksud yang luas dan tidak terbatas. Individu yang melibatkan diri mereka sama ada secara formal atau tidak formal bagi menyampaikan ilmu pengetahuan atau kepandaian kepada orang perseorangan atau kelompok individu digelar sebagai guru (Atan Long, 1984). Guru bukan sahaja menjadi pendidik dan pengasas kepada pengetahuan pelajar-pelajar tetapi juga menjadi pemimpin, penasihat dan agen perubahan dalam masyarakat (Fatimah, 2002).

Guru merupakan salah seorang daripada anggota sekolah yang melibatkan diri

secara langsung dalam pelaksanaan kurikulum, program pendidikan di samping membentuk sahsiah serta kelakuan pelajarnya sejajar dengan nilai dan norma masyarakat. Guru bertanggungjawab menyebar ilmu pengetahuan, mencorakkan tingkah laku dan menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar. Guru terikat dengan etika perguruan, perintah am dan merupakan pelaksana dasar. Guru bertanggungjawab mendidik, mengajar, mengasuh dan memastikan pelajar dapat belajar, mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian para pelajar bagi melahirkan dan memastikan perkembangan modal insan yang seimbang dan menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Guru cemerlang perlu mempunyai ciri-ciri personaliti unggul seperti adil, sabar, tegas, konsep kendiri positif, kesungguhan, mesra, prihatin, kerjasama, menepati masa, bertanggung jawab, berakhhlak mulia dan kecindan (unsur jenaka). Guru yang prihatin mempunyai ciri kasih sayang dan keikhlasan (Supiah, 2005).





iii) Pengajaran dan pembelajaran

Pengajaran adalah suatu sistem aktiviti-aktiviti dengan tujuan membawa perubahan dalam kalangan mereka. Pengertian pembelajaran dalam penggunaan bahasa sehari-hari dengan bahasa psikologi adalah berbeza. Pembelajaran terbit daripada perkataan belajar. Bila disebut belajar, maka terdapat gambaran sebuah bilik darjah yang diisi dengan segala kelengkapan bilik darjah dan guru yang menyampaikan pengetahuan kepada murid-murid. Ahli psikologi pendidikan juga tidak mempunyai kata sepakat mengenai definisi pembelajaran.

Secara amnya, aktiviti pembelajaran yang memusatkan pelajar dapat meningkatkan minat mereka (Khoo, 2008). Menurut Silberman (2004), pembelajaran

bukan sekadar mencerahkan maklumat secara automatik ke dalam minda pelajar, sebaliknya memerlukan penglibatan mental dan perbuatan pelajar itu sendiri.

Kesimpulannya kesemua definisi ini memberi penekanan kepada perubahan tingkah laku seseorang sebagai ukuran berlakunya pembelajaran dan sebagai cara untuk menghuraikan pengertian pembelajaran.

iv) Output

Output bermaksud hasil pengeluaran, keluaran atau hasil pemprosesan data mengikut Kamus Dewan, 2007. Di sekolah, input yang dimaksudkan berupa guru dan staf sokongan dan output merupakan pelajar. Pelajar-pelajar pada hari ini merupakan pemimpin pada masa akan datang.





Hakikatnya pelajar yang cemerlang adalah lahir daripada guru yang hebat dan guru yang hebat dibentuk oleh pemimpin yang berkesan. Bagi melahirkan generasi yang cemerlang, kerajaan perlu memberi komitmen yang sepenuhnya bagi meningkatkan tahap kecemerlangan pendidikan. Justeru itu, satu reformasi pendidikan bergerak begitu pantas apabila Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mengadakan berbagai-bagai perubahan yang perlu untuk membangunkan diri pelajar secara holistik dan seimbang bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu memperkembangkan potensi individu yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Mengikut Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, di bawah usaha membangunkan modal insan, Kementerian Pelajaran Malaysia akan memberi tumpuan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar (Mok Soon Sang, 2009:321).



Dalam aspek ekonomi pula, pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh manusia melalui pendidikan dan latihan merupakan modal manusia yang akan meningkatkan kualiti buruh. Nilai produktiviti sesuatu pekerjaan yang dimiliki oleh guru itu merupakan sumber dan output ekonomi yang amat berpotensi dalam sesebuah negara. Perancangan pendidikan akan terus memainkan peranan utama bagi menyediakan sumber manusia yang berkualiti dan berinovasi untuk bersaing di peringkat global.





v) Ketidakhadiran

Ketidakhadiran membawa maksud tidak datang, tidak menyertai, tidak mengikuti, tidak menunjukkan diri dan tidak berada di sesuatu tempat (Kamus Dewan, 2007).

Dalam kajian ini memfokuskan guru tidak hadir di sekolah disebabkan oleh cuti yang telah diambil, menghadiri urusan rasmi seperti mesyuarat, kursus dan sebagainya sama ada terlibat dalam bidang Kurikulum, Kokurikulum atau pun Hal Ehwal Murid dan lain-lain sebab. Ketidakhadiran guru di sekolah mengakibatkan pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan oleh guru tersebut pada hari tersebut.



Kerugian bermaksud banyaknya atau jumlah perolehan yang kurang apabila dibandingkan dengan modal yang telah dibelanjakan (Kamus Dewan, 2007). Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kerugian daripada aspek masa belajar pelajar yang kurang berbanding dengan apa yang sepatutnya diperoleh oleh pelajar dan kerugian daripada aspek masa guru melakukan tugas rutin guru yang lain pada hari tersebut di sekolah. Ketidakhadiran guru di sekolah dikira sebagai kos dan kos ini akan cuba dihitung dalam nilai wang. Ketidakhadiran guru di sekolah mengambil kira sama ada guru mengambil cuti sakit, menghadiri kursus atau mesyuarat.





Dalam istilah ekonomi, kos yang terlibat boleh dikategorikan sebagai kos melepas. Kos melepas merupakan barang atau perkhidmatan kedua terbaik yang terpaksa dikorbankan atau dilepaskan untuk mendapatkan satu unit barang atau perkhidmatan yang dikehendaki. Dalam konteks kajian ini, sekiranya guru menghadiri tugasan luar (urusan rasmi) atau mengambil cuti, maka pengajaran dan pembelajaran dan tugasan rutin guru yang lain tidak dapat dilaksanakan di sekolah merupakan kos melepas atau perkhidmatan kedua terbaik yang terpaksa dikorbankan atas sebab pilihan utama itu tadi. Oleh sebab itu, guru yang tiada di sekolah merupakan satu kerugian sumber dan output ekonomi yang amat berpotensi kerana nilai produktiviti sesuatu pekerjaan yang dimiliki oleh guru tersebut tidak dapat disumbangkan dalam pengajaran dan pembelajaran dan tugasan yang lain di sekolah kerana guru tidak hadir di sekolah.



1.10 Rumusan

Berdasarkan pernyataan permasalahan, persoalan kajian dan tujuan kajian, diharapkan dapat menerangkan dan memberi gambaran yang jelas secara keseluruhan tentang apa yang ingin pengkaji sampaikan dan hasilnya adalah bertepatan dengan tujuan kajian ini dijalankan.

